



Manuskrip-Manuskrip Borneo di Brunei: Satu Penelaahan Sepintas Lalu¹

DR. MARDIAH BINTI HAJI RAMLI^{1, a}, ADIBAH BINTI MD JAAFAR^{2, b} dan SITI NORHAFIZAH BINTI ALIAS^{3, c}

¹ Pusat Sejarah Brunei, Negara Brunei Darussalam

² Pusat Sejarah Brunei, Negara Brunei Darussalam

³ Pusat Sejarah Brunei, Negara Brunei Darussalam

^a Mardiah.ramli@pusat-sejarah.gov.bn, ^b Adibah.jaafar@pusat-sejarah.gov.bn
& ^c norhafizah.alias@pusat-sejarah.gov.bn

Abstrak

Pembuktian sejarah terhadap ciri-ciri ketamadunan Islam di Alam Melayu bukan sahaja dilihat daripada aspek peninggalan arkeologi, warisan budaya dan kesenian bahkan juga penghasilan daya sumber pemikiran intelektual bangsa Melayu yang dizahirkan melalui hasil karya tulisan tangan dalam bentuk tulisan jawi iaitu Manuskrip Melayu. Di Alam Melayu termasuk Kepulauan Borneo yang didiami oleh tiga negara iaitu Negara Brunei Darussalam; Sarawak dan Sabah, Malaysia; dan Kalimantan, Indonesia, masing-masing mempunyai manuskrip-manuskrip lama yang unik dan tersendiri yang melambangkan bangsa Melayu yang berkemahiran tinggi, berwibawa, dan kreatif pada ketika itu. Manuskrip yang dihasilkan itu mengandungi catatan sejarah yang direkodkan untuk kesinambungan bangsa dan tamadun negara masing-masing. Justeru, kajian ini akan memfokuskan terhadap manuskrip-manuskrip Borneo dalam pelbagai genre yang terdapat di Brunei khususnya yang ada dalam simpanan koleksi *penBORNEO*. Koleksi *penBORNEO* di Bahagian Pusat Pengkajian Borneo (*penBORNEO*), Pusat Sejarah Brunei merangkumi bahan-bahan sejarah seperti akhbar-akhbar lama, buku-buku nadir, buku-buku Borneo, dokumen-dokumen, bahan-bahan mikrofilem, peta-peta termasuklah koleksi bahan manuskrip yang disimpan untuk kepentingan rujukan dan pembelajaran. Objektif kajian ini ada dua iaitu pertama, mengetengahkan jenis-jenis manuskrip Borneo yang terdapat dalam koleksi *penBORNEO*. Objektif kedua ialah kepentingan manuskrip Borneo yang bukan sahaja mengandungi gambaran sejarah tetapi lebih penting ialah iktibar dan pengajaran daripada sejarah itu. Kajian manuskrip ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kualitatif terhadap sebahagian bahan manuskrip Borneo sebagai sokongan kajian di samping merujuk sumber sekunder dalam menguatkan lagi fakta sejarah dalam manuskrip tersebut. Daripada hasil kajian manuskrip-manuskrip Borneo ini diharap dapat menjadikannya sebagai khazanah dan pusaka bangsa yang amat berharga sebagai dokumentasi dan rujukan akan datang, terutamanya bukan sahaja dalam kalangan para pengkaji sejarah tetapi pengkaji-pengkaji dari pelbagai bidang seperti bidang ilmu kebahasaan, filologi, dan kesusasteraan. Dapatan kajian ini turut memperlihatkan manuskrip itu bukan sahaja bertindak sebagai alat perhubungan tradisi masa lalu bahkan memberikan gambaran senario terhadap perkembangan politik, ekonomi, dan sosial yang berlaku di Kepulauan Borneo.

Kata kunci: Tamadun, Borneo, Brunei, Manuskrip, Melayu, *penBORNEO*

1. Pendahuluan

Dalam membincangkan tentang tamadun masyarakat Islam di Alam Melayu termasuk di Kepulauan Borneo adalah dilihat bukan sahaja dari segi ciri-ciri aspek agama, politik, sosiobudaya, ekonomi, dan seni bahkan aspek intelektual yang menampilkan cetusan daya pemikiran dan kreativiti melalui hasil karya tulisan tangan dalam tulisan Jawi iaitu Manuskrip Melayu. Manuskrip merupakan warisan khazanah penting bagi bangsa Melayu kerana manuskrip merupakan satu pembuktian peradaban bangsa (Sariyan, A., & Jamian, A.R., 2020). Oleh itu, manuskrip adalah salah satu ciri penting yang melambangkan ketamadunan sesebuah negara yang masih bertahan dan boleh diperolehi hingga saat ini. Dengan mengkaji manuskrip membolehkan kita menggali nilai-nilai estetika yang wujud dalam manuskrip tersebut sama ada nilai sejarah, budaya mahupun keilmuan. Dengan menghargai dan memahami nilai-nilai manuskrip dapat memberikan manfaat yang besar dalam usaha membangun masa depan yang lebih baik, progresif dan menyeluruh. Justeru kajian manuskrip Melayu ini amat penting diusahakan kerana ia merupakan warisan sejarah atau peninggalan leluhur yang penting dipertahankan dan dikekalkan untuk generasi akan datang. Seperti negara-negara di Alam Melayu, Negara Brunei Darussalam juga sentiasa berusaha dalam mengumpul, menyelidik dan mengkaji manuskrip yang merupakan khazanah

¹ Kertas kerja ini dibentangkan dalam Konvensyen Antarabangsa Islam Borneo Kali Ke-16 (KAIB XVI), pada 9-11 September 2025, di Pontianak, Kalimantan.



yang menyimpan pelbagai disiplin ilmu. Usaha ini juga turut mendapat dokongan dan sokongan yang padu daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui titah-titah baginda, yang antaranya seperti berikut:

Dalam buku terbitan Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Kini, balai ini dikenali sebagai Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB)) bertajuk *Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah: Penjana Tamadun Islam*. Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (2006):

"... Beta berharap Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BPISHHB) akan benar-benar menjadi pusat warisan ilmu Islam yang berterusan mengumpul, menyelidik dan menyebarkan hasil penyelidikan untuk Islam, umat Islam dan malah untuk kemanusiaan..... Beta percaya buku ini boleh memberi inspirasi kepada pembaca untuk melibatkan diri dalam agenda (BPISHHB) menyelamatkan khazanah ilmu Islam yang ditinggalkan dalam bentuk manuskrip dan berbagai artifak lain."

Dalam petikan titah ini Baginda menekankan akan pentingnya usaha dalam menyelamatkan, mengumpul, menyelidik dan menyebarkan hasil penyelidikan warisan ilmu Islam yang ditinggalkan dalam bentuk manuskrip dan berbagai artifak lain untuk agama Islam, umat Islam dan malah untuk kemanusiaan. Usaha menyelamatkan warisan yang mengandungi maklumat atau catatan sejarah ini boleh dilakukan dengan memelihara dan memulihara, dan ini jelas dan dapat dikaitkan dengan petikan titah Baginda sempena Tahun Baru Masihi 1992 di Istana Nurul Iman pada 31 Disember 1991. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (1991) bertitah:

"fakta sejarah sangat banyak memainkan peranan untuk menyelesaikan pelbagai masalah kita dan negara. Sebab itulah ia perlu dipelihara dengan tidak mengira samada kecil atau besar. Jika tanpa usaha untuk memelihara dan menyimpan sejarah, lama kelamaan ia akan terkubur begitu sahaja. Bangsa yang tidak mempunyai sejarah adalah bangsa yang merempat dan miskin."

Daripada petikan titah ini juga dapat difahami bahawa fakta sejarah itu menyumbang kepada ketamadunan bangsa. Fakta sejarah penting dalam menangani pelbagai masalah bangsa dan negara, dan untuk mendapatkan fakta sejarah ini, salah satu *modus* atau kaedahnya ialah dengan melaksanakan penyelidikan dan pengumpulan serta kajian terhadap bahan-bahan sejarah termasuk bahan manuskrip-manuskrip lama. Kepentingan memelihara dan mengkaji manuskrip ini amat ketara lagi sewaktu dalam Majlis Perasmian Konferensi Antarabangsa Islam Borneo ke-15 (KAIB XV) pada 5 Jun 2024, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (2024) bertitah:

"...Dalam kita membincangkan pembinaan tamadun, khasnya tamadun masyarakat Islam di Alam Melayu, maka kita janganlah lupa mengenai khazanah ilmu dalam bentuk pelbagai manuskrip ataupun kitab-kitab lama tulisan ulama silam."

Di sini, Beta melihat adanya keperluan bagi penubuhan sebuah pusat yang bertanggungjawab memelihara dan melestarikan manuskrip. Pusat itu nanti akan jadi sumber kajian berkaitan agama, identiti, asal-usul, sejarah, tradisi dan legasi masyarakat rantau ini. Melaluinya aktiviti kajian dan penyelidikan manuskrip dapat diaktifkan. Hal ini mustahak kerana manuskrip adalah warisan atau khazanah yang menyimpan banyak ilmu serta pengetahuan yang bernilai."

Penerokaan terhadap karya ilmuan klasik ini akan mampu memberi kesedaran atau kefahaman kepada generasi hari ini mengenai sejarah bangsa dan negara untuk merangka kemajuan masa depan yang progresif dan menyeluruh. Beta juga berharap, manuskrip-manuskrip berharga ini akan dapat diakses dengan mudah dengan menggunakan teknologi digital. Dokumentasi dalam bentuk digital ini nanti juga akan dapat mempercepat dan memperluas lagi sebaran manuskrip milik kita di kepulauan ini ke merata pelusuk dunia..."

Daripada ketiga-tiga petikan titah ini jelas menunjukkan bahawa usaha menghidupkan dan mengembalikan kegemilangan manuskrip Melayu itu adalah wajar dan perlu diambil perhatian berat kerana manuskrip merupakan khazanah yang begitu bernilai yang dapat dijadikan bahan sumber kajian berkaitan asal-usul, identiti, agama, sejarah, dan tamadun sesebuah



negara dan bangsa. Melalui petikan titah-titah ini juga menampakkan komitmen murni seorang raja Islam dalam memelihara ilmu dan khazanah umat Islam yang patut diteladani oleh setiap lapisan masyarakat.

2. Sejarah Awal Manuskrip Di Brunei

Pelbagai pandangan mengenai pengertian manuskrip telah dikemukakan oleh para ahli sarjana luar mahupun tempatan. Menurut Prof Madya Zakaria Mustaffa (2012), manuskrip Melayu merupakan ‘satu hasil karya yang ditulis dengan tulisan tangan dan menggunakan alat tulis setempat. Karya ini ditulis dengan menggunakan tulisan Jawi (abjad Arab yang telah disesuaikan dengan Alam Melayu). Bahasa yang digunakan pula ialah bahasa Melayu’. Siti Fathimah binti Abdul Halim (2014), pula berpendapat bahawa manuskrip Melayu itu ialah hasil sastera Melayu Tradisional bertulis tangan dalam tulisan jawi oleh penulis Melayu. Manakala, dalam Dasar Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia (2014, Januari 14) pula mendefinisikan manuskrip Melayu itu sebagai ‘segala bentuk tulisan tangan menggunakan skrip Jawi dalam bahasa rumpun Melayu mengenai alam dan tamadun Melayu yang berusia sekurang-kurangnya 100 tahun. Prof. Madya Dr. Mahayudin Hj Yahaya (2006), pula menjelaskan bahawa manuskrip itu adalah naskhah asal yang ditulis dengan tangan, yakni masih belum dicetak. Definisi manuskrip Melayu dari pendapat sarjana tempatan pula menerangkan bahawa Manuskrip Melayu adalah hasil karya tulisan tangan seperti surat, salsilah, hikayat, syair dan kitab yang mengandungi pelbagai ranah ilmu seperti sejarah, kesusasteraan, agama, perubatan, perundangan dan ketatanegaraan (Sri Kartika A. Rahman & Prof. Dr Haji Awang Asbol bin Haji Mail, 2023, hlm.134). Yang Berhormat Pehin Datu Laila Raja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof (2017) pula menyatakan bahawa manuskrip Melayu itu merupakan artifak yang sangat bernilai dan terpenting sebagai warisan tamadun bangsa yang amat berharga, di mana ia merupakan hasil karya penulisan tangan berskrip jawi dengan menggunakan versi Melayu yang dihasilkan sekitar abad ke-16 hingga abad ke-19. Daripada pengertian-pengertian di atas ini, menunjukkan bahawa pengertian manuskrip itu sangat luas tetapi memberikan rumusan yang hampir sama. Justeru dapat disimpulkan di sini, bahawa manuskrip Melayu itu ialah karya yang dihasilkan secara tulis tangan dalam skrip jawi dengan menggunakan bahasa rumpun Melayu serta mempunyai usia yang lanjut.

Manuskrip-manuskrip Melayu boleh didapati keberadaannya di serata dunia termasuk di Negara Brunei Darussalam (Prof. Madya Dr. Mahayudin Hj Yahaya, 2006, hlm. 41). Negara Brunei Darussalam merupakan antara salah satu kerajaan Kesultanan Melayu-Islam di Alam Melayu yang menyimpan dan mewarisi pelbagai jenis manuskrip termasuklah penyalinan teks agama (kitab) sehingga menjadikan Brunei berperanan sebagai pusat penting penyimpanan manuskrip Alam Melayu (Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah & et.al, 2023, hlm. 190). Dalam membicarakan tentang sejarah awal manuskrip di Brunei, tarikh sebenar kewujudan manuskrip ini adalah tidak diketahui dengan jelas sehingga sekarang. Namun tidak dapat dinafikan bahawa sejarah manuskrip di Brunei mempunyai hubungan yang rapat dengan perkembangan kemasukan Islam yang telah membawa bersamanya tulisan jawi di negara ini. Islam dengan rasminya bertapak di Brunei setelah Awang Alak Betatar masuk Islam dan dikenali dengan nama Sultan Muhammad Shah (TM1363 -1402) pada abad ke-14. Dengan pengislaman baginda ini secara langsung telah mempengaruhi corak pemerintahan dan pentadbiran negara. Dalam pentadbiran negara, ajaran-ajaran Islam melalui sumber kitab-kitab agama Islam turut digunakan dan dijadikan panduan, dan seterusnya tulisan jawi digunakan sebagai sistem penulisan ketika itu. Ini dapat dibuktikan melalui catatan China pada zaman pemerintahan Dinasti Ming (TM1368-1543) yang menyatakan bahawa pada TM 1371, Raja Poni (Brunei) yang ketika itu bernama Mahamosha (Sultan Muhammad Shah)) telah menghantar surat utusan ke China dengan membawa sepucuk surat seakan-akan tulisan ‘Hui-Ku’ (tulisan jawi) dan barang-barang pesambah hasil negeri seperti kapur barus, burung merak, penyu hidup, dan bermacam-macam jenis bauan (Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, 2007, hlm.1). Dengan kewujudan surat utusan yang berfungsi sebagai alat komunikasi ini dapat dijadikan sebagai bahan bukti bagi penggunaan manuskrip dalam zaman pemerintahan Kerajaan Islam di Brunei dalam kurun ke-14.

Selain berfungsi sebagai alat komunikasi, manuskrip juga didapati digunakan sebagai bahan catatan. Contohnya, menurut laporan lawatan Antonio Pigafetta ke Brunei pada tahun 1521, beliau ada menceritakan tentang jurutulis (*Xiritoles*) dalam istana Sultan dan jurutulis tersebut menulis di atas kulit kayu yang nipis (Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar, 1971, hlm. 36). Dari laporan beliau ini menunjukkan bahawa dalam kurun ke-16 juga terdapat orang yang pandai menulis dan membaca jawi serta mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Sultan. Mereka ini bertugas untuk mencatat urusan-urusan pemerintahan seperti mencatatkan hal ehwal perbendaharaan dan surat menyurat (Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar, 2007, hlm. 4). Apa yang menarik lagi ialah penggunaan kulit kayu sebagai bahan penulisan manuskrip dalam zaman tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat catatan sejarah yang menunjukkan bahawa manuskrip sebenarnya telah wujud lebih awal lagi iaitu sebelum abad ke-14. Sebelum TM977, Raja Puni (Brunei) menghantar utusan ke China bersama saudagar China yang datang ke Brunei diketuai oleh Pu Ya Li (Abu Ali), Shih Nu (Shiekh Noh) dan Khiah Sin (Qadi Kasim) membawa surat itu dan barang-barang pesambah terdiri daripada 100 kulit



kura-kura, kapur barus, lima keping gaharu, tiga dulang cendana, dan eam batang gading gajah. Surat raja puni ini berwarna hijau muda, kertasnya nipis, tulisannya halus dan melintang dan licin, dimasukkan dalam bumbung yang berukiran indah (Dayang Fatimah binti Mohd. Daud' 1992, hlm. 10). Ini menunjukkan bahawa kewujudan manuskrip dalam bentuk surat itu telah lama diterima dan digunakan sebagai alat perhubungan di antara Kerajaan Brunei dengan kerajaan-kerajaan luar iaitu sejak abad ke-10. Kewujudan manuskrip semakin kukuh lagi dengan penghasilannya dalam bentuk perundangan selain sebagai alat komunikasi dan catatan. Ini dapat dibuktikan semasa zaman pemerintahan Sultan Muhammad Hassan, Sultan yang kesembilan memerintah Brunei dari TM1582-1598. Baginda telah melaksanakan undang-undang Islam dengan kewujudan Hukum Kanun Brunei. Kanun ini merupakan sebuah manuskrip yang mengandungi undang-undang yang bercampur aduk dengan undang-undang adat dan juga undang-undang berunsurkan Islam (Prof. Haji Awang Asbol Haji Mail & Dr. Haji Ramlee Haji Tinkong, 2023, hlm. 35).

Tambahan lagi, dengan adanya manuskrip ini dapat dijadikan sandaran atau pembuktian suatu fakta sejarah. Perkara ini dapat dilihat apabila kajian daripada Profesor Madya Dr. Haji Hashim bin Haji Abd. Hamid (2003) dalam artikel *Salasilah Raja-Raja Barunai: Suatu Telaahan Dari Beberapa Manuskrip Barunai*. Beliau meneliti beberapa manuskrip seperti *Silsilah Raja-Raja Berunai* (P.L. Amin Sweeny, 1968), *Salasilah Raja-Raja Berunai* (Pengiran Kamaluddin bin Pengiran Bendahara Muhammad, t.t.), *Syair Awang Semaun* (tidak diketahui versinya), dan *Carta Salasilah Raja-Raja Berunai* (Pusat Sejarah Brunei, t.t.). Hasil daripada penelitian kesemua manuskrip ini, terdapatnya persamaan dari segi penceritaan mengenai Raja Brunei yang pertama iaitu Awang Alak Betatar yang seterusnya memeluk agama Islam dan dikenali sebagai Sultan Muhammad. Walaupun dalam manuskrip nama Islam Awang Alak Betatar dikenali sebagai Sultan Muhammad, akan tetapi penemuan batu nisan yang dipercayai kepunyaan puteri Sultan Abdul Majid Hasan yang terletak di Jalan Residency, Bandar Seri Begawan tertera nama penuhnya bertulis "Rokayah binti Sultan Abdul Majid Hasan Ibnu Muhamad Shah Al-Sultan". Berdasarkan penemuan inilah, Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri menyimpulkan bahawa nama penuh Sultan pertama Brunei ialah Sultan Muhammad Shah dan Sultan Abdul Majid Hasan merupakan putera anakanda baginda (Profesor Madya Dr. Haji Hashim bin Haji Abd. Hamid, 2003; Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, 1990). Berdasarkan kenyataan di atas, telah membuktikan bahawa kewujudan manuskrip penting sebagai bahan sumber bukti yang dijadikan sandaran dalam pengkajian sejarah, maka Pusat Sejarah Brunei berusaha untuk mengumpul dan mengkaji manuskrip-manuskrip ini terutama yang berkaitan dengan sejarah dan kesultanan Brunei sejajar dengan matlamat penubuhan jabatan ini.

3. Latar Belakang Kajian

1. 3.1 Pusat Sejarah Brunei

Di Negara Brunei Darussalam mempunyai sejumlah besar koleksi manuskrip lama yang tersimpan di beberapa institusi kerajaan seperti Muzium-Muzium Brunei menyimpan 121 koleksi naskhah, Arkib Negara sebanyak 432 koleksi naskhah, dan Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam menyimpan 259 koleksi naskhah (Profesor Ampuan Dr Haji Ibrahim bin Ampuan Haji Tengah, 2024, h. 3). Di Pusat Sejarah Brunei melalui Bahagian Pusat Pengkajian Borneo juga tidak ketinggalan ada menyimpan manuskrip-manuskrip lama sejajar dengan salah satu bidang tugas utama jabatan ini iaitu mengumpul, menyimpan dan memelihara segala bentuk bahan dan kesan sejarah Brunei yang bernilai untuk kemudahan rujukan, pengkajian, penerbitan dan pameran.

3.2 Koleksi Bahan *penborneo*

Setakat ini, Bahagian Pusat Pengkajian Borneo (*penBORNEO*) mempunyai sebanyak 13,350 bahan koleksi yang antaranya terdiri daripada akhbar-akhbar lama, buku-buku nadir, buku-buku Borneo, rekod-rekod Borneo, kertas-kertas kerja, peta-peta, laporan-laporan, surat-surat perjanjian, mikrofilem termasuklah koleksi bahan manuskrip yang disimpan untuk kepentingan rujukan, simpanan, dan pembelajaran. Jumlah manuskrip yang terdapat di Bahagian *penBORNEO* ialah sebanyak 271 naskhah manuskrip termasuk manuskrip-manuskrip tanpa judul. Jumlah ini tidak termasuk manuskrip-manuskrip dalam bentuk digital, manuskrip dalam mikrofilem, manuskrip yang belum direkodkan, dan manuskrip dalam bentuk surat-surat perjanjian yang didapati sejumlah 504 bahan setakat ini. Sekiranya digabungkan semua koleksi ini di bawah satu pengkategorian manuskrip sudah tentulah jumlah manuskrip yang ada itu akan meningkat lagi. Berbicara tentang manuskrip-manuskrip ini, manuskrip-manuskrip ini ada yang dalam bentuk salinan dan asli. Jumlah manuskrip yang asli yang terdapat dalam daftar katalog manuskrip adalah sebanyak 37 bahan dan selebihnya adalah berupa salinan. Jenis-jenis manuskrip dibahagikan lagi kepada 14 kategori iaitu kitab, salasilah, hikayat, keugamaan, perubatan, perundangan, syair, adat istiadat, khutbah, kesultanan, pemerintahan, doa-doa, manuskrip tanpa judul, dan surat-surat perjanjian. Di antara koleksi-koleksi manuskrip tersebut, koleksi surat-surat perjanjian merupakan koleksi yang paling banyak terdapat dalam simpanan *penBORNEO*. Rata-rata koleksi surat-surat perjanjian adalah



berkaitan dengan Brunei dan Borneo. Memandangkan terdapatnya banyak manuskrip Borneo dalam simpanan *penBORNEO*, maka kajian hanya akan menumpukan kepada koleksi ini supaya memudahkan para pengkaji tempatan mahupun luar untuk membuat kajian khusus mengenainya. Selain itu, kajian ini juga dihasratkan sebagai medium untuk memberigakan kepentingan penggunaan manuskrip-manuskrip Borneo sebagai sumber sejarah dan ketamadunan Melayu.

4. Sorotan Literatur

Kajian awal mengenai manuskrip di Brunei didapati telah dipelopori oleh orang-orang Barat. Contohnya, pengumpulan manuskrip di Brunei telah bermula dengan peminjaman naskhah *Silsilah Raja-Raja Brunei* oleh Hugh Low daripada Pengiran Kesuma pada tahun 1880 (Sri Kartika A. Rahman & Prof. Dr Haji Awang Asbol bin Haji Mail, 2023). Melalui pengumpulan manuskrip ini, Hugh Low telah menghasilkan artikel bertajuk *Selesilah (Book of the Descent of the Rajas of Brunei)* yang diterbitkan dalam *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society (JSBRAS)* 5, June 1880. Selain beliau, P.L. Amin Sweeney juga pernah menghasilkan artikel mengenai *Silsilah Raja-Raja Brunei* bertajuk *Silsilah Raja-Raja Brunei* dalam *Journal of Malaysian Branch of Royal Asiatic Society (JMBRAS)* 41(2) December 1968. Manakala kajian perundangan Brunei pula pernah disentuh oleh R.O. Winstedt dalam artikelnya bertajuk *A Brunei Code* yang diterbitkan dalam *JMBRAS* 1(1923). Kajian manuskrip kemudiannya secara perlahan-lahan telah menambat hati dan mendapat perhatian para sarjana dalam kalangan anak-anak tempatan sekitar pertengahan abad ke-20. Sebagai misal, buku bertajuk *Syair Rakis Karangan Al-Marhum Pengiran Shahbandar Pengiran Md. Salleh Ibnu Pengiran Sharmayuda* telah ditulis oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri seorang tokoh sejarawan yang tidak asing lagi di Brunei, melalui hasil kajian beliau terhadap syair tersebut. Buku ini ada dua cetakan iaitu cetakan pertama pada tahun 1965 manakala cetakan kedua pula dalam tahun 1983. Penulis menghuraikan tentang sejarah riwayat pengarang dan mengupas isi rakis dari pertama hingga kedua belas dari segi perspektif sejarah dan secara umum sahaja.

Namun, jika ditinjau kajian-kajian manuskrip Melayu sebenarnya masih kurang mendapat tumpuan dalam bidang kajian sejarah kerana lebih banyak dikaji dalam bidang kesusasteraan. Perkara ini disebabkan sumber-sumber sejarah yang terdapat dalam manuskrip Melayu ditulis dengan gaya dan bentuk penulisan sastera, ini berbeza dengan bentuk penulisan sejarah yang mengetengahkan kebenaran fakta tanpa memasukkan unsur mitos dan lagenda (Muhammad bin Haji Awang Damit, 1991). Adapun persoalan ini timbul disebabkan jurang perbezaan dari segi pemikiran konsep sejarah dan pensejarahan di antara Barat dan di Alam Melayu. Para sarjana Barat menganggap karya tradisional Melayu sebagai sastera hiburan semata (Profesor Teuku Iskandar, 1989). Apabila dinilai semula karya tradisional Melayu ini berdasarkan pengamatan tempatan, hasil karya tradisional ini dianggap sebagai karya-karya historiografi Melayu tradisional iaitu sumber sejarah yang dilahirkan oleh masyarakat Melayu tempatan berdasarkan catatan yang disaksikan oleh pengarang pada zaman tersebut (Profesor Teuku Iskandar, 1989; Muhammad bin Haji Awang Damit, 1991).

Kajian manuskrip dalam bidang kesusasteraan juga dapat dikesan melalui kewujudan beberapa terbitan buku sastera. Antaranya ialah seperti *Syair Awang Semaun (Koleksi Muzium)* oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2010 yang menampilkan ciri-ciri epik dan kepahlawanan Awang Semaun. Dalam syair ini juga ada dimuatkan legenda barisan panglima yang tersohor gagah seperti Awang Jerambak, Demang Sari dan Awang Senuai (Sinuai). Kebanyakan kajian dan penelitian Syair Awang Semaun menggunakan simpanan Syair Awang Semaun yang terdapat dalam simpanan Arkib Negara, Jabatan Muzium-Muzium Brunei, misalnya Haji Abdul Hamid bin Jaludin (1996), *Syair Awang Semaun Sebagai Epik Bangsa Melayu Brunei*; Jakir bin Amin (1994), *Syair Awang Semaun: Sebagai Karya Epik Melayu Brunei*; dan Dr Haji Abdul Latif Haji Ibrahim (2003), *Syair Awang Semaun: Pantulan Pembentukan Awal Brunei*. Berdasarkan pengamatan Profesor Madya Ampuan Dr. Haji Brahmi (2012) mengenai Syair Awang Semaun dalam simpanan Pusat Sejarah Brunei dipunyai oleh Md. Noor bin Osman yang seterusnya ditransliterasi dan dikaji oleh Haji Mahadi bin Metarsad dalam kajian beliau bertajuk *Syair Awang Semaun: Satu Kajian Teks*. Dalam kajian Haji Mahadi bin Metarsad ini hanya mengkhususkan penekanan unsur-unsur mitos dan legenda yang terdapat dalam syair ini. Tambahan lagi, menurut hasil perolehan daripada kajian Abdul Hamid bin Jaludin (1996) koleksi manuskrip Syair Awang Semaun di pusat atau institusi mempunyai persamaan hanya saja perbezaan terdapat pada versi Pusat Sejarah Brunei.

Selain itu, *Syair Pertabalan Sultan Ahmad Tajuddin* (Haji Ludin Hashim, 2013) pula tidak kurang pentingnya kerana di dalamnya mengandungi kekayaan adat istiadat diraja Brunei, budaya bermasyarakat, kekuatan agama, tamsil ibarat dan nasihat yang sudah lama wujud dalam masyarakat Brunei di samping merakamkan peristiwa pertabalan baginda Sultan Ahmad Tajuddin. Meskipun kajian-kajian manuskrip lebih menonjol dalam bidang kesusasteraan, namun kajian-kajian ini tetap turut memberi sumbangan informasi yang penting terhadap genre penulisan sejarah. Ini kerana sebilangan isi kandungan manuskrip lama itu turut merakamkan peristiwa-peristiwa sejarah. Lagipun, tidaklah pula dinafikan bahawa



penulisan-penulisan sejarah langsung tidak ada menggunakan manuskrip-manuskrip lama sebagai bahan sumber untuk mendapatkan fakta-fakta sejarah. Manuskrip-manuskrip lama juga ternyata digunakan sebagai kajian dalam konteks sejarah sama ada diterbitkan dalam bentuk buku, artikel mahupun kertas kerja.

Antara karya-karya penulisan yang dapat membantu kajian ini ialah seperti buku Prof. Ampuan Dr Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah (2024), bertajuk *Manuskrip Lama Brunei: Keberadaan dan Kehebatannya* yang ada menyentuh tentang keberadaan manuskrip-manuskrip Melayu di Brunei termasuk di Pusat Sejarah Brunei dan huraian secara umum mengenai beberapa karya-karya tradisional seperti Syair Awang Semaun, Hukum Kanun, Silsilah Raja-Raja Brunei dan Syair Rajang. Manakala Prof. Madya Dr. Mahayudin Haji Yahaya (2006), dalam artikelnya bertajuk *Manuskrip Jawi: Sejarah, Peranan dan Fungsinya Berdasarkan Koleksi Manuskrip Jawi Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah* pula membincangkan manuskrip secara umum di Nusantara amnya dan di Brunei khususnya mengenai Koleksi Manuskrip Jawi Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah. Selain itu juga beliau menjelaskan tentang fungsi dan peranan manuskrip jawi Brunei, format serta tulisan manuskrip. Menurut kajian beliau, terdapat sejumlah 708 buah manuskrip yang tersimpan di Balai Pameran ini. Dari jumlah ini, sebanyak 40 manuskrip sahaja yang dikategorikan sebagai manuskrip jawi, sementara selebihnya adalah manuskrip Arab dan Farsi. Terdapat banyak manuskrip Melayu di Balai ini menyentuh soal aqidah Ahl al-Sunnah waal-Jama'ah yang boleh dijadikan bahan rujukan. Pada masa sekarang bahan-bahan manuskrip tersebut kebanyakannya telahpun dipindahkan ke Bangunan Balai Khazanah Sultan Haji Hassanah Bolkiah.

Artikel-Artikel lain yang tidak kurang pentingnya dalam memberikan maklumat tentang manuskrip-manuskrip Brunei ialah seperti artikel Harun Mat Piah & Ismail Hamid (1983), *Koleksi Manuskrip-Manuskrip Melayu di Brunei: Satu Maklumat Awal*; Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah, Mohd Taufik Arridzo Mohd Balwi & Eizah Mat Hussain (2023), *Pusat Sejarah Brunei: Beberapa Aspek Perbincangan tentang Koleksi Manuskrip Melayu-Islam*; artikel Dr Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim (2003), *Syair Awang Semaun: Pantulan Pembentukan Awal Brunei*; dan artikel Datin Dr Hajah Saadiah binti DDW Haji Tamit (2010), *Hukum Kanun Brunei Teras Perundangan Islam di Negara Brunei Darussalam: Satu Tinjauan Awal*. Walau bagaimanapun sumber-sumber yang dinyatakan di atas ini adalah berbeza dengan kajian yang dibuat yang menumpukan kepada manuskrip-manuskrip Borneo yang terdapat dalam simpanan Bahagian penBORNEO, Pusat Sejarah Brunei. Secara keseluruhannya, kajian ini adalah untuk mengemukakan beberapa manuskrip Borneo secara sepintas lalu dan dibincangkan secara umum sahaja dengan tujuan supaya manuskrip-manuskrip ini diperkenalkan kepada penyelidik mahupun pembaca umum.

5. Objektif Dan Kepentingan Kajian

Objektif kajian ini ada dua iaitu pertama, mengetengahkan jenis-jenis manuskrip Borneo yang terdapat dalam koleksi penBORNEO. Objektif kedua ialah kepentingan manuskrip Borneo yang bukan sahaja mengandungi gambaran sejarah tetapi lebih penting ialah iktibar dan pengajaran daripada sejarah itu. Kajian ini sangat signifikan kerana para pengkaji atau penyelidik yang berhasrat untuk melaksanakan kajian mengenai manuskrip berpeluang mengenali dan mengetahui jenis-jenis manuskrip yang terdapat di Bahagian penBORNEO. Selain itu, kajian ini dapat meningkatkan sumber rujukan dan panduan mengenai manuskrip-manuskrip Borneo yang diharap ia bukan sahaja dijadikan sebagai sumbangan kepada pensejarahan Brunei tetapi juga kepada pensejarahan Alam Melayu termasuklah Kepulauan Borneo. Di samping itu untuk meningkatkan kesedaran tentang peri mustahaknya peranan manuskrip itu sebagai sumber bahan sejarah dan ketamadunan Melayu yang bernilai tinggi yang perlu dikumpul dan dibuat kajian serta dipelihara sebaik-baiknya.

6. Metodologi

Kajian manuskrip ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kualitatif terhadap koleksi bahan manuskrip Borneo yang terdapat di Bahagian penBORNEO di samping merujuk sumber sekunder dalam menguatkan lagi fakta sejarah ke atas manuskrip tersebut. Dalam kajian ini akan dipecahkan kepada beberapa bahagian penting dalam usaha untuk mencapai objektif dan kepentingan kajian. Dalam pendahuluan akan menerangkan tentang kepentingan memelihara dan memulihara manuskrip yang merupakan warisan sejarah lambang ketamadunan negara dan bangsa. Kemudian diikuti pula dengan sejarah awal manuskrip di Brunei dan latar belakang kajian yang memfokuskan kepada manuskrip-manuskrip Borneo di negara ini khususnya yang terdapat dalam simpanan Pusat Sejarah Brunei melalui Bahagian penBORNEO. Setelah itu, akan mengongsikan beberapa koleksi pilihan manuskrip Borneo yang akan dibincangkan secara umum sahaja.

7. Dapatan Kajian

Manuskrip-manuskrip Borneo dalam Koleksi penBORNEO banyaknya diperolehi sama ada melalui pembelian dan ihsan. Kebanyakan manuskrip itu dibeli dari negara-negara luar seperti United Kingdom, Holland, dan Singapura. Manuskrip-manuskrip ini ada yang dalam bentuk salinan dan asli. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, jenis koleksi manuskrip boleh



dibagikan kepada beberapa kategori. Di antara kategori-kategori manuskrip ini, surat-surat perjanjian merupakan koleksi yang paling banyak terdapat di Bahagian *penBORNEO*. Surat-surat perjanjian ini ditulis dalam tulisan Jawi dalam bahasa Melayu Brunei dan ada yang bercampur dengan tulisan Arab. Manuskrip-Manuskrip Borneo sebenarnya boleh dibagikan kepada empat kategori iaitu manuskrip-manuskrip Brunei; manuskrip Sabah; manuskrip Sarawak; dan manuskrip Kalimantan. Contoh-contoh koleksi pilihan manuskrip-manuskrip tersebut adalah seperti berikut:

7.1 Manuskrip-Manuskrip Brunei

i. Surat-Surat Perjanjian

Surat-surat perjanjian yang tersimpan di Bahagian *penBORNEO* adalah dalam sekitar abad ke 16 dan 19. Antara surat-surat perjanjian Melayu/Jawi yang paling awal terdapat di *penBORNEO* ialah salinan surat Sultan Adil kepada Don Francisco Tello pada TM1599 (PS/A/SP6/1992, Simpanan Bahagian Pusat Pengkajian Borneo). Merujuk kepada pertarikan surat ini, sultan Brunei yang memerintah pada zaman tersebut ialah Sultan Abdul Jalilul Akbar (TM1598 - 1659) dan Don Francisco Tello ialah Kapten General Sepanyol di Manila. Surat perjanjian ini merupakan titik mulanya pemulihan hubungan antara Brunei-Sepanyol, kerana surat ini merupakan balasan daripada Kerajaan Brunei yang menyambut baik hasrat Kerajaan Sepanyol yang ingin mengadakan hubungan persahabatan dan perdagangan (Prof. Madya Dr. Haji Asbol bin Mail, 2011, h. 25). Selain itu, surat-surat perjanjian ini kebanyakannya dalam bentuk salinan. Apabila dikaji surat-surat perjanjian ini, isi kandungannya ada yang berbentuk penyerahan, pajakan, penjualan, pembelian dan pengurniaan wilayah. Antara contoh surat-surat perjanjian tersebut yang bertulis tangan dalam tulisan Jawi adalah seperti surat-surat perjanjian pengisytiharan penyerahan wilayah Sarawak dari Tanjung Datu ke Kuala Sungai Samarahan kepada James Brooke pada 17 Zulkaedah 1269 bersamaan 21 Ogos 1853 dan penyerahan Sungai Kawang oleh Sultan Abdul Momin dan Pengiran Digadong Pengiran Anak Muhammad Hassan bagi mewakili Syarif Jahir bin Maulana Sharif Abdul Rahman bin Sharif Jaafar bin Sharif Abdul Rahman kepada Syarikat Berpiagam Borneo Utara British pada 20 Februari 1885 (Pehin Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, 1994, Ogos 22-24, hlm.135; *List of Deeds of Cession to the Chartered Company*, h. 1 - 2, Koleksi Rekod Borneo bil. PS/PnB/BR/0000644, simpanan Pusat Sejarah Brunei).

Manakala, contoh surat-surat perjanjian pajakan pula ialah seperti pajakan Wilayah Sulaman sampai Kuala Paitan oleh Sultan Abdul Momin kepada Charles Lee Moses pada 11 Ogos 1865, pajakan wilayah dari Tanjung Gaya sampai Tanjung Lutut, Pulau Gaya, Pulau Sipanggar, pulau-pulau yang kecil-kecil di dalam Sembilan mil dari tepi pantai dan wilayah Papar yang bersambung dengan wilayah Benoni kepada Gustavus Baron de Overbeck dan Alfred Dent pada 29 Disember 1877. Contoh surat mengurniakan wilayah pula ialah seperti surat perjanjian Sultan Abdul Momin yang mengurniakan atau menganugerahkan wilayah-wilayah Tulinnya kepada saudara-saudara baginda sebelum baginda mangkat (lindung) iaitu Pulau Banggi kepada Pengiran Babu Sharbanun yang berkahwin dengan Pengiran Tua Nasruddin beranakkan Pengiran Anak Tunggal dan Pengiran Anak Nor Alam yang berkahwin dengan Pengiran Muda Hashim ibnu Sultan Muhammad Kanzul Alam (Pehin Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, 1994, Ogos 22-24, hlm.135-136); Sabah (kawasan yang berhampiran Kota Kinabalu) kepada Pengiran Siti Khatijah yang berkahwin dengan Pengiran Anak Tajuddin ibnu Sultan Muhammad Kanzul Alam; Siang-Siang kepada Pengiran Muhammad Daud; Lawas kepada Pengiran Anak Shah Mubin dan Menggalong kepada Pengiran Anak Bongsu (Pehin Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, 1994, Ogos 22-24, hlm. 136; Surat Sultan Abdul Momin bertarikh Rejab 1290, Koleksi Surat Perjanjian bil. PS/A//SP/2/2003, dlm. simpanan Pusat Sejarah Brunei). Di samping itu juga terdapat surat dalam bentuk pemakluman, contohnya, surat Sultan Hashim kepada Raja Charles Brooke mengenai dengan kemangkatan Sultan Abdul Momin pada 29 Mei 1885. Manakala contoh surat perjanjian perniagaan ialah seperti surat perjanjian Brunei-Sarawak TM 1872.

Selain surat-surat perjanjian, terdapat juga manuskrip-manuskrip lain seperti Salasilah Raja-Raja Brunei, Hukum Kanun Brunei, dan Syair-Syair.

ii. Silsilah Raja-Raja Brunei

Menurut kajian Prof Ampuan Dr Haji Ibrahim (2024), terdapat sekurang-kurangnya 18 naskhah manuskrip Silsilah Raja-Raja Brunei dalam simpanan *penBORNEO*. Tetapi setelah diteliti lebih lanjut ternyata hanya terdapat lapan naskhah manuskrip dan satu naskhah dalam bentuk digital mengenainya yang terdapat di Bahagian ini. Salasilah ini didapati dalam pelbagai versi, antaranya ialah Salasilah Raja-Raja Brunei versi Pengiran Johor bin Pengiran Israel; Salsilah Raja-Raja Brunei versi Yang Amat Mulia Pengiran Digadong Haji Mohd Salleh bin Pengiran Anak Haji Muhammad; Salsilah Raja-Raja Brunei versi Datu Imam Aminuddin bin Orang Kaya DiGadong Lewadi; dan Silsilah Raja-Raja Brunei yang



diperolehi daripada *The School Of Oriental and African Studies (SOAS), University of London* dalam bentuk digital. Kewujudan salasilah ini sudah tentu telah banyak membantu dalam menjejaki jurai keturunan Raja-Raja Brunei, hubungan Brunei dengan negara-negara luar seperti Johor, Majapahit, China, dan Suluk, hubungan perdagangan, kebudayaan serta maklumat sejarah yang meliputi pelbagai aspek cara hidup orang-orang Brunei.

iii. Hukum Kanun Brunei

Mengenai Hukum Kanun Brunei pula, *penBORNEO* ada menyimpan sebanyak empat naskhah salinan Hukum Kanun Brunei dalam tulisan jawi. Secara umumnya, Hukum Kanun ini merupakan manuskrip perundangan dan ketatanegaraan yang mengandungi peraturan atau undang-undang berunsur Islam dan Adat. Dokumen bersejarah ini bukan sahaja mengisahkan zaman pemerintahan Sultan-Sultan tetapi juga sedikit sebanyak menceritakan kesan Islam di Brunei (PESEBAR, 2023, h. 135). Bukan setakat itu sahaja, Hukum Kanun Brunei merupakan sebuah manuskrip atau “dokumen perundangan bertulis yang amat penting” kerana membuktikan Negara Brunei Darussalam telah lama menerapkan konsep pemerintahan yang berpegang kepada Islam dan berlandaskan hukum-hukum syarak. Justeru itu, falsafah negara iaitu Melayu, Islam dan Beraja telah lama dipraktikkan sejak pentadbiran Kerajaan Brunei dahulu yang jelas ditonjolkan dalam fasal-fasal Hukum Kanun Brunei (Haji Matassim bin Haji Jibah, 2012, h. 17). Maka tidak hairan, jika kajian dan penelitian manuskrip Hukum Kanun Brunei ini masih laku dikaji sehingga kini kerana kepentingannya sejarah awal undang-undang Islam yang dilaksanakan di Brunei.

iv. Syair-Syair

Antara syair-syair lama yang popular dirujuk di *penBORNEO* pula ialah seperti Syair Awang Semaun dan Syair Rakis oleh para pengkaji tempatan mahupun luar. Syair-syair ini mengandungi tamsil ibarat dan nasihat serta budaya yang dijadikan perbincangan dan garis pandu berfikir serta mempunyai pengertian yang luas di dalamnya.

v. Syair Awang Semaun

Di *penBORNEO* ada menyimpan sebanyak lima (5) Syair Awang Semaun yang kebanyakannya salinan. Syair Awang Semaun Jilid I dengan nombor perolehan PS/PnB/MS/0000007 dan Jilid II dengan nombor perolehan PS/PnB/MS/0000008 dikatakan asalnya dipunyai oleh Md. Noor bin Osman yang tinggal di no.17, Kampong Menengah, Jalan Kastam Lama, Mukim Bangar Temburong. Selain itu *penBORNEO* juga menyimpan Syair Awang Semaun versi Jabatan Muzium-Muzium Brunei dengan no perolehan PS/PnB/MS/0000068. Sementara dua lagi Syair Awang Semaun iaitu Syair Awang Semaun (Jilid II/Asli) dengan nombor perolehan PS/PnB/MS/0000158 dan Syair Awang Semaun PS/PnB/MS/0000159 adalah tidak diketahui jelas asalnya diperolehi kerana tidak ada dinyatakan dalam daftar perolehan. Syair Awang Semaun PS/PnB/MS/0000159 itu dalam bentuk salinan dan telah diterjemahkan ke tulisan rumi. Setelah diteliti isi kandungan manuskrip-manuskrip ini antara lain menyebutkan mengenai pembukaan negeri, asal usul Awang Alak Betatar, episod Lumba Perahu di antara Pateh Sangkuna dengan Awang Semaun, legenda Awang Semaun, Awang Jerambak dan Awang SiNuai.

vi. Syair Rakis

Di *penBORNEO* mempunyai dua salinan manuskrip Syair Rakis Dua Belas Karangan Al-Marhum Pengiran Shahbandar Muhammad Salleh. Syair ini dikatakan dikarang oleh Al-Marhum dalam kurun ke-19 iaitu semasa dalam perjalanannya dari Mukah ke Brunei. Apabila siap di Brunei, syair ini dipersembahkan kepada Sultan Omar Ali Saifuddin II dan Pengiran Anak Abdul Momin (kemudian dikenali dengan nama Sultan Abdul Momin). Antara isi kandungan Syair Rakis ini menyentuh tentang hal pentadbiran Brunei; penyusunan peraturan yang hendaklah disesuaikan dengan keadaan zaman yang ditempuh; dan hal-hal persekolahan. Selain itu juga, Al-Marhum juga mengingatkan bahawa perkara yang perlu diingat pada zaman yang akan datang ialah keadaan dunia yang sentiasa bertukar-tukar peredarannya.

7.2 Manuskrip-Manuskrip Sarawak, Sabah dan Kalimantan

Di samping manuskrip-manuskrip Brunei juga terdapat manuskrip-manuskrip Sarawak, Sabah dan Kalimantan yang ada dalam bentuk tulisan jawi dan tulisan rumi. Antara contoh manuskrip Sarawak adalah seperti Hikayat Raja-Raja; Salsilah Syed-Syed Sarawak yang dikarang oleh Sultan Osman bin Abdul Rahman bin Hussin; Silsilah Dari Rantau Limbang; Sejarah Raja-Raja Melayu dan Bugis; Perihal Sarawak Yang Sebenar oleh Anthony Brooke dan Sejarah Negeri-Negeri Melayu oleh Haji Md. Saidin bin Hj Md. Rasid.

Manakala, antara manuskrip-manuskrip Sabah pula adalah seperti Khutbah Hari Raya Aidil Fitri 1323 Hijrah, Kampong Benunih, Sabah; Doa Tulisan Tangan oleh Imam Hamid bin Iman Jalil, Kampong Darau Menggatal, Sabah; Silsilah Raja-Raja Dalam Brunei oleh Awang Abas bin Ampuan Mumin; Salasilah Keturunan Asal-Usul Raja-Raja Yang Mempunyai Takhta Kerajaan Di Dalam Negeri Brunei; dan Khutbah Jumaat Di Masjid Darau, Sabah. Di samping itu, juga terdapat manuskrip-manuskrip Kalimantan yang tersimpan di Bahagian *penBORNEO* yang antaranya ialah Silsilah Kerajaan Sambas dan Brunei. Silsilah ini dihasilkan oleh Sultan Muhammad Syafiuddin II pada 4 Disember 1903. Silsilah ini menjadi bukti hubungan awal Brunei-Sambas melalui susur galur Kesultanan Brunei melalui kemasukan Raja Brunei ke Sambas iaitu Sultan Tengah atau Raja Tengah. Sultan Tengah adalah sultan pertama dan terakhir memerintah Sarawak.



Sultan Tengah telah singgah ke Matan atau Sukadana dan disambut oleh Sultan Matan. Hubungan Sultan Tengah dan Sultan Matan ini terjalin erat, apabila Sultan Tengah dikahwinkan dengan puteri Sultan Matan iaitu Ratu Surya Kesuma. Hasil daripada perkahwinan ini, Sultan Tengah dikurniakan lima orang anak yang menjadi penerus kepada pertalian hubungan antara Brunei dan Sambas (Prof. Madya Dato' Zainal Abidin Borhan, 2006, h. 4). Silsilah ini juga dijadikan rujukan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri dalam menelusuri sejarah Sultan Tengah sehingga diterbitkan dalam bentuk buku bertajuk *Sultan Tengah: Sultan Sarawak Pertama dan Terakhir*. Selain itu, terdapat manuskrip Kalimantan yang lain seperti kumpulan surat-surat perjanjian Kesultanan Banjarmasin, Salsilah Sambas, Kitab Ilmu Tajwid, Syair Hukum Nikah, Syair Baginda Hamzah, Kitab Sabilal Muhtadin I hingga IV, Kitab Tajul Muluk dan Riwayat Syeikh Muhammad Arsyad Al-Banjari dan Salasilah Tanpa Judul oleh Sultan Osman bin Abd Rahman bin Hussin, Sultan Pontianak.

8. Dapatan Kajian

Melalui kajian ini menunjukkan usaha berterusan Pusat Sejarah Brunei melalui Bahagian *penBORNEO* dalam mengumpul dan mengkaji manuskrip-manuskrip Borneo agar dapat menjejak sejarah dan kesultanan negara termasuklah hubungan dengan negara-negara luar. Selain itu kewujudan manuskrip-manuskrip Borneo ini juga membuktikan bahawa Brunei merupakan salah sebuah negara tua yang mempunyai ketamadunannya yang istimewa dan tersendiri sejak dahulu lagi. Kewujudan manuskrip-manuskrip ini menampakkan hubungan yang sangat rapat dengan Sarawak, Sabah dan Kalimantan kerana keseluruhan Pulau Borneo pernah di bawah kekuasaan Brunei pada suatu ketika dahulu. Hasil dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa banyak data-data sejarah (*primary source*) dan tinggalan silam yang belum dikaji dan masih bertaburan baik di kepulauan ini mahupun di negara-negara lain. Sebagaimana dipetik daripada pendapat Prof. Teuku Iskandar (1989) ada menyatakan kepentingan penggunaan sumber primer dalam kajian sejarah:

“Dalam penulisan sejarah sesebuah negeri, berita-berita tempatan iaitu sumber pertama (primary sources) adalah penting dan diutamakan, jika tidak sejarah negeri itu hanya melihat daripada sudut pandangan orang luar sahaja.”

Kepentingan manuskrip sebagai rujukan penting dalam pengkajian rekonstruksi sejarah. Rekonstruksi sejarah lalu memerlukan sumber dan bahan relevan dan mempunyai fakta sejarah seperti manuskrip. Manuskrip dikategorikan sebagai rujukan utama, sumber primer yang penting dalam penulisan suatu peristiwa sejarah. Walaupun begitu, berbalik kepada pengkaji atau sejarawan dalam menentukan atau meneliti manuskrip yang sesuai dengan kajian yang dijalankan dengan menentukan ketulenannya dan kebenaran faktanya. Sebab itulah untuk mengkaji manuskrip-manuskrip Borneo bukanlah suatu perkara yang mudah dilakukan. Ia memerlukan kesabaran, sifat lutan dan lebih-lebih lagi kemahiran yang tinggi yang merangkumi bidang-bidang bahasa, filologi dan kodikologi. Selain itu, cabaran juga wujud berikutan keadaan fizikal manuskrip yang sudah uzur dan rapuh, teksnya yang tidak lengkap, kurang jelas atau kabur, isi kandungan yang sukar untuk difahami dan manuskrip-manuskrip ini ada yang mempunyai beberapa versi. Kepelbagaian versi tersebut ini telah mendorong untuk membuat kajian perbandingan yang lebih lanjut. Kajian lebih lanjut harus dijalankan untuk memberikan pengertian yang lebih jelas dan tegas terhadap apa yang telah kita warisi daripada zaman silam bangsa kita.

9. Kesimpulan

Daripada hasil kajian manuskrip-manuskrip Borneo ini diharap dapat menjadikannya sebagai khazanah dan pusaka bangsa yang amat berharga sebagai dokumentasi dan rujukan akan datang, terutamanya bukan sahaja dalam kalangan para pengkaji sejarah tetapi pengkaji-pengkaji dari pelbagai bidang seperti bidang ilmu kebahasaan, filologi, dan kesusasteraan. Dapatan kajian ini turut memperlihatkan manuskrip itu bukan sahaja bertindak sebagai alat perhubungan tradisi masa lalu bahkan memberikan gambaran senario terhadap perkembangan politik, ekonomi, dan sosial yang berlaku di Kepulauan Borneo.

Semoga dengan perkongsian maklumat ini bukan hanya sekadar meningkatkan naluri para penyelidik untuk menggali ilmu pengetahuan yang terakam dalam manuskrip-manuskrip Borneo bahkan sekurang-sekurangnya membantu dalam menjejak dan melengkapkan sejarah ketamadunan Borneo yang sedia ada serta meningkatkan kesedaran kita terhadap warisan sejarah silam untuk panduan hidup kita masa kini dan juga masa depan, seperti yang dinyatakan oleh Md Taib Osman (1965), pakar dalam budaya dan tamadun Melayu, bahawa kesedaran kepada warisan kita itu akan memperkayakan pengetahuan tentang diri kita sendiri dalam menghadapi hidup kita hari ini. Kita adalah titisan daripada warisan yang kita terima.

Rujukan



- Colony of North Borneo Government Gazette*, 15 July 1946, h. 2, Koleksi Rekod Borneo bil. PS/PnB/BR/0000179(c.2), dlm. simpanan Pusat Sejarah Brunei.
- D.E. Brown. (1974). "Sultan Mumin's will and Related Documents," *BMJ* 3, no. 2(1974): 156-170.
- Dato Paduka Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim. (2011). *Dinamik Warisan Melayu*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dato Paduka Hj. Md. Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Hj. Umar. (1965). *Sha'er Rakis Karangan Al-Marhum Pengiran Shahbandar Md. Salleh ibnu Pengiran Sharmayuda*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dayang Fatimah binti Mohd. Daud. (2002). "Raja-Raja Brunei Sebelum Awang Alak Betatar". *Pusaka*, Bil.1. Pusat Sejarah Brunei.
- Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim. (2003, Oktober 3-5). *Syair Awang Semaun: Pantulan Pembentukan Awal Brunei*. [Kertas Kerja]. Seminar Sejarah Brunei: Menyusuri Sejarah Nasional. Anjuran bersama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR).
- Dr. Haji Harapandi Dahri. (2011, Ogos 21). *Nilai-nilai Aqidah Ahli Sunnah Waljama'ah dalam Hikayat Tengkorak Kering karya Haji Abdullah bin Haji Muhammad Sa'ed bin Haji Muhammad Arsyad*. [Kertas kerja]. Sesi Ceramah@penBORNEO. Pusat Sejarah Brunei, Negara Brunei Darussalam.
- Gallop, Annabel Teh. (1988). *Silsilah Raja-Raja Brunei: The Manuscript of Pengiran Kesuma Muhammad Hasyim*. *Archipel*, Jil.97, 173-212.
- Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman. (2017, November 27). 'Manuskrip Melayu Warisan Tamadun Bangsa'. *Pelita Brunei*.
<https://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Berita/NewDisplayForm.aspx?ID=13542&ContentTypeId=0x0100BC31BF6D2ED1E4459ACCF88DA3E23BA8>
- Haji Abdul Hamid Jaludin. (2010). *Syair Awang Semaun Sebagai Epik Bangsa Melayu Brunei*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Haji Asbol bin Haji Mail (2012). *Sejarah & Persejarah Brunei: Dinamika Pembentukan & Transformasi*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Haji Ludin Hashim. (2013). *Syair Pertabalan Sultan Ahmad Tajuddin*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haji Mahadi Haji Matarsat. (2011). *Syair Awang Semaun: Satu Kajian Teks*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haji Matassim bin Haji Jibah. (2012). *Hukum Kanun Brunei: Pendukung Teras Negara Melayu Islam Beraja*. Prof. Madya Dr Haji Awang Asbol bin Haji Mail & Awang Haji Rosli bin Haji Ampal. *Kemerdekaan 25 Tahun: Kumpulan Artikel Sejarah Memperingati 25 Tahun Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam*. (h. 15 – 28). Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR).
- Haji Rosli bin Haji Ampal & Salina binti Haji Jaafar. (2010). *100 Tahun Hubungan Brunei-British 1906-2006: Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei III*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Jawatankuasa Kerja Penerbitan Buku. (2006). *Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah: Penjana Tamadun Islam, Jabatan Mufti*. Bandar Seri Begawan.
- Keith, H.G. The United States Consul & the Yankee Raja. (1980). *Monograph of the Brunei Museum Journal* 4(1980):1-256.
- List of Deeds of Cession to the Chartered Company*, h. 1 - 2, Koleksi Rekod Borneo bil. PS/PnB/BR/0000644, dlm. simpanan Pusat Sejarah Brunei.
- Menyusuri Sejarah Nasional: Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei*, Bandar Seri Begawan: Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Persatuan Sejarah Brunei, 2010.
- Mohd. Taib Osman, M.A. (1965). *Kesusasteraan Melayu Lama*. Singapura: Penerbitan Federal Berhad.
- Muhammad bin Haji Awang Damit. (1990/1991). *Naskah-Naskah Dan Manuskrip-Manuskrip Yang Berunsur Sejarah Di Brunei: Satu Tinjauan Awal Dan Permasalahannya*. Kajian Tesis Universiti Brunei Darussalam.
- Muhammad Damit. (1991). *Naskah-Naskah Dan Manuskrip-Manuskrip Yang Bersejarah Di Brunei*. [Kertas Kerja]. Seminar Brunei Dalam Sejarah 1 -- Brunei Darussalam: Pengenalan Melalui Sejarah. Akademi Pengajian Brunei UBD dan Persatuan Sejarah Brunei.
- Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR). (2020). *Kesultanan Brunei Darussalam, Koleksi Artikel Khas Disumbangkan kepada Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Profesor Kehormat Dr. Haji Awang Mohammad Jamil Al-Sufri*. Bandar Seri Begawan: Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR).
- Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR). (2023). *Kesultanan Brunei dari pelbagai perspektif: kumpulan makalah sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-77*, Bandar Seri Begawan: Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR).



- Pusat Sejarah Brunei. (2007). *Pemuliharaan Sejarah dan Tamadun Borneo: Ke Arah Pengukuhan Negara Bangsa*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- P.H. Mohammad Abd. Rahman. (2007). *Islam di Brunei Darussalam Zaman British (1774-1984)*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Pehin Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar, Yang Dimulihkan Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. (1994, Ogos 22-24). *Nasab Sultan Brunei dan Pertarikannya*. [Pembentangan Kertas perdana]. Seminar Sejarah Bagi Guru-Guru Sejarah Sekolah-Sekolah Menengah. Kelolaan bersama Jabatan Perancangan Perkembangan dan Penyelidikan dan Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Bandar Seri Begawan.
- Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri. (2005). *Rampai Sejarah: Meniti Sejarah Silam*. Bandar Seri Begawan.
- Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri. (1990). *Tarsilah Brunei : sejarah awal dan perkembangan Islam*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman & Dr. Haji Mahayudin Haji Yahaya. (2011). *Tamadun Melayu Islam Di Alam Melayu: Kes Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Pusat Da'wah Islamiah.
- Pengisytiharan penyerahan Sarawak kepada James Brooke, 17 Zulqaedah 1269, Lot 1-3c. Simpanan Bahagian Pusat Pengkajian Borneo, Pusat Sejarah Brunei.
- Pengisytiharan penyerahan wilayah Sarawak dari Tanjung Datu ke Kuala Sungai Samarahan kepada James Brooke pada 17 Zulkaedah 1269 bersamaan 21 Ogos 1853, Lot 1-3c, Koleksi Surat Perjanjian bil. PS/A/SP/14/20. Simpanan Bahagian Pusat Pengkajian Borneo, Pusat Sejarah Brunei.
- Penyerahan Negeri Sarawak oleh Sultan Omar Ali Saifuddin Ibni Sultan Muhammad Jamalul Alam kepada James Brooke pada 9 haribulan Syaaban 1262, Lot 1-3a. Simpanan Bahagian Pusat Pengkajian Borneo, Pusat Sejarah Brunei.
- Penyerahan Wilayah dari Tanjung Kidurong ke Tanjung Baram, Lot 1-11a, Koleksi Surat Perjanjian bil. PS/A/SP/45/2010. Simpanan Bahagian Pusat Pengkajian Borneo, Pusat Sejarah Brunei.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2014, Januari 14). *Dasar Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia*. https://www.pnm.gov.my/pnm/resources/UploadFile/Akta,%20Dasar%20dan%20Peraturan/DASAR_MANUSKRIP_MELAYU_PERPUSTAKAAN_NEGARA_MALAYSIA.pdf
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2015). *Katalog Manuskrip Melayu: Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia Tambahan Kelapan*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Prof. Datuk Dr. Awang bin Sariyan. (2019). *Sumbangan Manuskrip Melayu Lama Kepada Peradaban Bangsa: Catatan Berdasarkan Beberapa Teks*. [Kertas kerja]. *Prosiding Seminar Majlis Ilmu: Manuskrip Islam Mercu Tanda Ketamadunan Umat*. (h. 217 – 248). Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri. <https://www.majlisilmu.gov.bn/SiteCollectionDocuments/2019/prosiding-seminar-mi.pdf>
- Prof. Datuk Dr. Awang bin Sariyan. (2019, Oktober 15-17). *Sumbangan Manuskrip Melayu Lama Kepada Peradaban Bangsa*. [Kertas kerja]. *Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu Lama*. Perpustakaan Negara Malaysia. https://www.pnm.gov.my/pnm/resources/pdf/file/PKMM/Dr_Awang_Sariyan.pdf; <https://www.majlisilmu.gov.bn/Kertas%20Kerja/Kertas%20Kerja%202019/HARI%20PERTAMA/Sumbangan%20Manuskrip%20Melayu%20Lama%20Kepada%20Peradaban%20Bangsa.pdf>
- Prof. Madya Ampuan Dr. Haji Ibrahim bin Ampuan Haji Tengah. (2019). *Membudayakan Penyelidikan Manuskrip: Kajian Manuskrip Melayu di Universiti Brunei Darussalam*. [Pembentangan Kertas Kerja]. Majlis Ilmu 2019. <https://www.majlisilmu.gov.bn/Kertas%20Kerja/Kertas%20Kerja%202019/HARI%20PERTAMA/Membudayakan%20Penyelidikan%20Manuskrip%20-%20Kajian%20Manuskrip%20Melayu%20Di%20Universiti%20Brunei%20Darussalam.pdf>
- Prof. Madya Dato' Zainal Abidin Borhan. (2006, Ogos 22-24). *Silsilah Raja Sambas*. [Kertas Kerja]. Bengkel Kajian Naskhah Kesultanan Melayu VII, anjuran Bahagian Kesusasteraan Tradisional, Jabatan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak, Jabatan Muzium dan Arkib Sarawak.
- Prof. Madya Dr Haji Awang Asbol bin Haji Mail & Awang Haji Rosli bin Haji Ampal. (2012). *Kemerdekaan 25 Tahun: Kumpulan Artikel Sejarah Memperingati 25 Tahun Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah & Persatuan Sejarah Brunei.
- Prof. Madya Dr. Haji Asbol bin Mail. (2011). *Kesultanan Melayu Brunei Abad Ke-19: Politik Dan Struktur Pentadbiran*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Prof. Madya Zakaria bin Mustaffa. (2012). *Penyelidikan manuskrip Melayu Berunsurkan Keislaman*. [kertas kerja] Seminar Penyelidikan Jawi dan Manuskrip Melayu.
- Prof Wu Zong Yu. (2010). *Brunei Dalam Sejarah China*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Profesor Ampuan Dr Haji Ibrahim bin Ampuan Haji Tengah. (2024). *Manuskrip Lama Brunei: Keberadaan dan kehebatannya*, Bandar Seri Begawan: Qasrun Nafi Publishing House.



- Profesor Teuku Iskandar. (1989, Ogos 28-31). *Tradisi Lisan Historiografi Melayu dalam Penyelidikan Sejarah Brunei*. [Kertas Kerja]. Seminar Sejarah Brunei, anjuran Jabatan Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Salmah Jan Noor Muhammad. (2018). *Ilmu Diplomati Melayu Dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Malaysia: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Siti Fathimah binti Abdul Halim. (2014). *Pusat Manuskrip Melayu: Sejarah dan Peranan Dalam Pengurusan Manuskrip Melayu*, Tesis ijazah sarjana usuludidn (secara kursus dan penyelidikan), Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Surat Sultan Abdul Momin bertarikh Rejab 1290, Koleksi Surat Perjanjian bil. PS/A//SP/2/2003, dlm. simpanan Pusat Sejarah Brunei.
- Surat Sultan Adil Kepada Don Francisco Tello Bertarikh TM1599. Surat Perjanjian bil. PS/A/SP6/1992, Bahagian Pusat Pengkajian Borneo, Pusat Sejarah Brunei.
- Syair Awang Semaun (Koleksi Muzium). (t.t.). Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Tahun Baru Masihi 1992 di Istana Nurul Iman pada 31 Disember 1991.
- Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Perasmian Konferensi Antarabangsa Islam Borneo ke-15 (KAIB XV) pada 5 Jun 2024.
- Tuan Haji Sanib Said. (2006, Ogos 22-24). *Kajian Manuskrip Melayu-Jawi Di-Borneo: Tinjauan Selayang Pandang*. [Kertas Kerja]. Bengkel Kajian Naskhah Kesultanan Melayu VII, anjuran Bahagian Kesusasteraan Tradisional, Jabatan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak, Jabatan Muzium dan Arkib Sarawak.
- Wan Hasbullah, W. M. D., Mohd Balwi, M. T. A. ., & Mat Hussain, E. (2023). Pusat Sejarah Brunei: Beberapa Aspek Perbincangan tentang Koleksi Manuskrip Melayu-Islam : Brunei History Centre: Some Aspects of Discussion on the Collection of Malay-Islamic Manuscripts. *Journal of Al-Tamaddun*, 18(2), 189–204. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/39128>
- Wijaya. (1988, Julai). “Sastera Brunei Lama”, *Bahana*, Jil. 23, Bil. 92.
- Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar. (1983). *Karangan Al-Marhum Pengiran Shahbandar Pengiran Md. Salleh Ibnu Pengiran Sharmayuda*. Pusat Sejarah Brunei.
- Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar, *Syair Rakis Karangan Al-Marhum Pengiran Shahbandar Pengiran Md. Salleh Ibnu Pengiran Sharmayuda*, Pusat Sejarah Brunei, 1983.